

**PERKEMBANGAN DAN PENGLIBATAN POLITIK
ANAK MUDA MALAYSIA PASCA REFORMASI 1998:
TUMPUAN UNIVERSITI BANGSAR UTAMA (UBU)**

oleh

MOHD HARISZUAN BIN JAHARUDIN

**Tesis yang diserahkan untuk
Memenuhi keperluan bagi ijazah Sarjana**

Disember 2013

PENGHARGAAN

Penghargaan ini saya tujukan kepada penyelia saya, Profesor Dr. Francis Loh Kok Wah yang banyak memberi bimbingan dalam menyiapkan tesis ini. Banyak yang telah saya belajar daripada beliau dan sesungguhnya ini merupakan satu penghormatan buat diri saya untuk diberi kesempatan dibimbing oleh seorang sarjana yang dikagumi ramai ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada Dr Soon Chuan Yean yang banyak melapangkan waktu untuk menjadi rakan wacana yang konstruktif dan banyak memberikan cadangan-cadangan munasabah bagi membaiki tesis ini.

Berbanyak-banyak terima kasih juga kepada warga kerja Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM yang banyak membantu memudahkan segala urusan saya selama menyiapkan kajian ini, khasnya kepada Dr Sivamurugan Pandian, En Aziz dan Puan Roslina. Terima kasih juga kepada pusat pengajian ini yang telah memberikan peluang kepada saya untuk berkhidmat sebagai Pembantu Siswazah selama dua tahun. Pengalaman mengendalikan tutorial amat bermakna buat saya.

Saya juga amat percaya, kajian ini tidak mungkin sempurna tanpa adanya sokongan padu kedua ibu bapa dan keluarga saya yang memberikan sepenuh kepercayaan kepada saya. Percaya mereka adalah kekuatan saya. Begitu juga, buat Aisyah Yusop yang penuh sabar dengan ketidaksabaran saya selama ini. Terima kasih kerana menjadi kawan, kekasih dan rakan wacana yang maha penting buat diri ini.

Rakan-rakan juga banyak membantu saya selama dua tahun dalam menyelesaikan tesis ini. Ucapan terima kasih ini saya dedikasikan buat Izzuddin Ramlee, Rozaimin Elias, Akmal Komal, Yaya, Ong Jingcheng, Steven Sim, Shahril (sekadar menyebut beberapa nama tanpa sebarang aturan keutamaan).

Terima kasih sekali lagi pada semua yang tidak sempat dinyatakan di sini.

KANDUNGAN

	Halaman
Penghargaan	iii
Kandungan	iii
Senarai Jadual	iii
Senarai Rajah	vii
Singkatan dan Kependekan	viii
Abstrak	x

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1	Permasalahan Kajian	1
1.2	Objektif Kajian	3
1.3	Skop Kajian dan Kesignifikanan Kajian	4
1.4	Sorotan Kajian Lepas	7
1.4.1	Penglibatan Kelas Menengah dalam Proses Politik	11
1.4.2	Kelas Menengah Melayu: Gerakan Sosial dan Islamisasi	13
1.4.5	Di Manakah Anak Muda Dalam Gerakan Sosial Di Malaysia?	18
1.4.6	Anak Muda dan Gerakan Kebangsaan	25
1.4.7	Anak Muda dan Gerakan 1960an – 1970-an	29
1.5	Penjelasan Konsep & Definisi	
1.5.1	Budaya Politik dan Politik Budaya	31
1.5.2	Definisi Orang Muda	37
1.6	Metodologi Kajian	40
1.7	Pembahagian Bab	43

BAB DUA

PENGLIBATAN POLITIK ANAK MUDA: SEBELUM PERANG DUNIA II SEHINGGA AUKU

2.1	Pengenalan	46
2.2	Kaum Muda & al-Imam	47
2.3	Kolej Latihan Sultan Idris (SITC)	49

2.4	Maahad Il- Ehya Assyarif Gunung Semanggul (MIAGUS)	50
2.5	Kesatuan Melayu Muda (KMM) & Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)	52
2.6	Angkatan Pemuda Insaf (API)	56
2.7	ASAS 50: Anak Muda Berjuang Melalui Sastera	59
2.8	Anak Muda di Universiti	62
2.9	Kesimpulan	67

BAB 3

PEMBANGUNAN EKONOMI DAN TRANSFORMASI MASYARAKAT: KESAN KEPADA ANAK MUDA

3.1	Pengenalan	69
3.2	Perkembangan Ekonomi Malaysia	70
3.3	Implikasi Besar DEB: Keperluan kepada Tenaga Mahir dan Kesannya kepada Anak Muda	80
3.4	DEB Melahirkan Kelas Menengah	86
3.5	Kesimpulan	89

BAB 4

HALANGAN PENGLIBATAN POLITIK ANAK MUDA DI DALAM DAN DI LUAR KAMPUS (1970AN-1990AN)

4.1	Pengenalan	90
4.2	Perkembangan Pengajian Tinggi dan Kesannya pada Anak Muda	
4.2.1	Pertumbuhan Ekonomi dan Pengkorporatan Universiti	91
4.2.2	Mengetatkan Kawalan – Perlaksanaan AUKU	94
4.2.3	Politik Anak Muda di Universiti	101
4.3	Politik Anak Muda di Luar Universiti	
4.3.1	Pertubuhan Belia Utama di Malaysia	105
4.3.2	Sikap Mahathir Terhadap Anak Muda	109
4.4	Kesimpulan	117

BAB 5

MASYARAKAT SIVIL, REFORMASI 1998, DAN POLITIK BARU

5.1	Pengenalan	119
5.2	Krisis Ekonomi dan Politik	121
5.3	Gerakan Sipil: Implikasi Pemecatan Anwar?	123
5.4	Media dalam Reformasi 1998	128
5.5	Politik Budaya dalam Reformasi	132
5.6	Kesimpulan	136

BAB 6

UNIVERSITI BANGSAR UTAMA (UBU): PENUBUHAN, ADVOKASI DAN CABARAN

6.1	Pengenalan	138
6.2	Kronologi Penubuhan UBU	139
6.3	Usaha Menstruktur UBU	143
6.4	Khidmat Masyarakat	
6.4.1	Kelas Tuisyen untuk Pelajar Sekolah	145
6.4.2	Program Bahasa Inggeris untuk Mahasiswa	147
6.4.3	Program Diskusi Kelompok	148
6.5	Aktiviti dan Advokasi	
6.5.1	Nyanyian ‘Lagu Rakyat’	150
6.5.2	Teater ‘Tok Ampoo’	152
6.5.3	Teater ‘Gerila’	154
6.5.4	Siri Forum di UBU	156
6.5.5	Sebaran Pendidikan Politik A-4	157
6.6	Kerjasama dengan NGO Lain	158
6.7	Profil Ideolog UBU	
6.7.1	Hishamudin Rais	159
6.7.2	Fathi Aris Omar	161
6.8	Kesimpulan	165

BAB TUJUH: KESIMPULAN

7.1	Pengenalan	167
7.2	Memahami Kewujudan UBU	169
7.3	UBU daripada Perspektif Politik Budaya	170
7.4	Kesimpulan	176

BIBLIOGRAFI	178
--------------------	-----

LAMPIRAN APENDIKS	190
--------------------------	-----

SENARAI JADUAL

1.1	Senarai Profesional Berdaftar Mengikut Etnik, 1970-2002 (jumlah/ peratus)	5
1.2	Takrif umum untuk belia/orang muda di Negara Terpilih di Asia Tenggara	38
1.3	Takrif Belia Mengikut Institusi Rasmi di Filipina	39
3.1	Semenanjung Malaysia: Agihan dan Sasaran Imbangan Guna Tenaga Antara Kaum Mengikut Sektor (Perbandingan Tahun 1970 dengan Tahun 1990)	73
3.2	Malaysia: Agihan Pendapatan Kumpulan Isi rumah 20% Tertinggi, 40% Pertengahan dan 40% Terendah Mengikut Kumpulan Etnik dan Strata, 1970 dan 1987	75
3.3	Malaysia: Pertumbuhan Tenaga Kerja 1970-2010 (%)	76
3.4	Kadar Urbanisasi (Pembandaran) antara tahun 1970 hingga 2010 (%)	77
3.5	Guna Tenaga berdasarkan Pekerjaan dan Etnik Tahun 1970 & Tahun 2000 (%)	79
3.6	Bilangan Pelajar Peringkat Diploma Dan Ijazah 1970-88	83
3.7	Pekerjaan di Malaysia Mengikut Kategori (%)	87

SENARAI RAJAH

1.1	Peratus Urbanisasi Malaysia Tahun 1980-2010	14
1.2	Mohamed Rahmat memotong rambut Awie, vokalis kumpulan Wings	22
1.3	Mohamed Rahmat memotong rambut Amy, vokalis kumpulan Search	22
5.1	Persembahan Teater Tok Ampoo	153
7.1	Poster Sambutan Hartal pada 2012	173
7.2	Poster Asal Sex & Pistol	174
7.3	Poster Utama Sepuluh Tahun Sebelum Merdeka	174

SINGKATAN DAN KEPENDEKAN

ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ABL	<i>Anti-British League</i>
ADIL	Pergerakan Keadilan Rakyat
AFPFL	<i>Anti-Fascist People's Freedom League</i>
ALIRAN	Aliran Kesedaran Negara
AMCJA	<i>All-Malaya Council of Joint Action</i>
ANFREL	Asian Network For Free and Fair Elections
APA	Aktivis Pro Aktiv
API	Angkatan Pemuda Insaf
ASAS 50	Angkatan Sasterawan 50
AUKU	Akta Universiti dan Kolej Universiti
AWAM	<i>All Women's Action Society</i>
BERSIH	Gabungan Pilihanraya Bersih Dan Adil
BN	Barisan Nasional
BRIMAS	<i>Borneo Research Institute Malaysia</i>
CAP	<i>Consumer Association of Penang</i>
CCM	<i>Council of Churches Malaysia</i>
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DEMA	<i>Malaysian Youth and Students Democratic Movement</i>
ESSM	Environmental Protection Society of Malaysia
FRU	<i>Federal Reserve Unit</i> (Pasukan Simpanan Persekutuan)
GAGASAN	Gagasan Demokrasi Rakyat
GERAK	Gerakan Keadilan Rakyat Malaysia
GMI	Gerakan Mansuhkan I.S.A
GMLN	Gerakan Mahasiswa Lantang Negara
GMMI	Gerakan Mahasiswa Mansuhkan ISA
GPMS	Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung
HAKAM	Persatuan Hak Asasi Malaysia
IKD	Institut Kajian Dasar
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
IPDC	<i>Indigenous People's Development Centre</i>
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
ISA	<i>Internal Security Act 1960</i>
JERIT	Jaringan Rakyat Tertindas
JIM	Jemaah Islah Malaysia
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JKMI	Jawatankuasa Kebajikan Siswa/I
JSPB-Johor Bharu	Jawatankuasa Sokongan Peneroka Bandar - Johor Bharu
JUST	<i>Just World Trust</i>
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KSJT	Komuniti Seni Jalan Telawi
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	<i>Malaysian Chinese Association</i>

MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MIAGUS	Maahad II- Ehya Assyarif Gunung Semanggul
MIC	<i>Malaysian Indian Congress</i>
MPAJA	<i>Malayan Peoples' Anti-Japanese Army</i>
NEAC	<i>National Economic Action Council</i>
NGO	<i>Non Governmental Organization</i>
NSTP	<i>New Straits Times Press</i>
O.S.A 1972	<i>Official Secrets Acts 1972</i>
PAS	Parti Islam Semalaysia
PBMUM	Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya
PETA	Pembela Tanah Air
PKM	Parti Komunis Malaya
PKPIM	Persekutuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PMI	Persatuan Mahasiswa Islam
PMIUM	Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Malaya
PMUM	Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya
PRM	Parti Rakyat Malaysia
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
RIDA	<i>Rural & Industrial Development Authority</i>
RTM	Radio Televisyen Malaysia
SAM	Sahabat Alam Malaysia
SAR	Sekolah Agama Rakyat
SDS	<i>Students for a Democratic Society</i>
SIS	<i>Sisters In Islam</i>
SITC	<i>Sultan Idris Training College</i>
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia
STTM	Solidaritas Timor Timur Malaysia
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia
UBU	Universiti Bangsar Utama
UDA	<i>Urban Development Authority</i>
UMNO	<i>United Malay Nation Organization</i>
WAC	<i>Women Agenda For Change</i>
WAO	<i>Women Aid Organization</i>
WWFM	<i>World Wildlife Fund Malaysia</i>
YMBA	<i>Young Men's Buddhist Association</i>

**PERKEMBANGAN DAN PENGLIBATAN POLITIK ANAK MUDA
MALAYSIA PASCA REFORMASI 1998: TUMPUAN UNIVERSITI
BANGSAR UTAMA (UBU)**

ABSTRAK

Tesis ini bertujuan untuk mengkaji perkembangan penglibatan politik anak muda Malaysia semenjak pra-kemerdekaan sehingga pasca Reformasi 1998 dengan memberi tumpuan khusus kepada kumpulan Universiti Bangsar Utama (UBU). Bahagian awal kajian ini akan menunjukkan bahawa anak muda secara konsisten terlibat secara aktif dalam politik di negara ini – baik yang formal, mahupun tidak. Tesis ini kemudiannya membahaskan bahawa terdapat kemerosotan penglibatan anak muda pada dekad-dekad tertentu kerana kekangan daripada pemerintah dan juga kondisi sosio-politik ketika itu. Namun kemerosotan ini tidak mematikan penglibatan politik anak muda, malah penglibatan anak muda dalam politik mula mengambil bentuk-bentuk yang berbeza. Maka kajian ini kemudiannya menawarkan Universiti Bangsar Utama (UBU) sebagai salah satu bentuk penglibatan anak muda. Tesis ini juga membahaskan bahawa UBU merupakan reaksi terhadap situasi politik dan sosio-ekonomi negara pada masa itu.

Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan, temubual dan pemerhatian ikut serta (*participatory observation*). Data kajian ini dianalisis secara kualitatif. Pendekatan kajian bersifat deskriptif dan intepretasi kritikal, terutamanya terhadap politik budaya (*cultural politics*) anak muda.

**DEVELOPMENT AND PARTICIPATION OF THE YOUTH IN
MALAYSIAN POLITICS POST-REFORMASI 1998: FOCUS UNIVERSITY
BANGSAR UTAMA (UBU)**

ABSTRACT

This thesis aims to study the development of the political involvement of youth since the pre-independence Malaysia until the post-reform 1998 with special focus on the University Bangsar Utama (Ubu). The initial part of this study will show that youth consistently actively involved in politics in this country - whether formal, or not. This thesis then argues that there is a decline of the involvement youth in particular decades because of government constraints and socio-political conditions of the time. However, this decline does not turn off youth's political participation; even youth involvement in politics began to take different forms. Thus, this research, then offer University Bangsar Utama (UBU) as a form of youth participation. This thesis also argues that UBU is a reaction to the political and socio-economic development at the time.

The methodology of this study using the method of literature review, interviews and participatory observation. The data were analyzed qualitatively. Descriptive research approach and critical interpretation, especially the cultural politics of the youth.

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Permasalahan Kajian

Sejak tahun 1998, suatu kawasan di Bangsar Utama telah menjadi tempat bagi aktivis orang muda, khasnya mahasiswa dari pelbagai kampus di Lembah Kelang duduk berkumpul dan membincangkan isu semasa dalam politik, sosial, budaya serta melihat bagaimana mereka boleh menyumbang dan berpartisipasi aktif dalam proses Reformasi yang sedang meluas wacananya saat itu. Bermula hanya daripada perbincangan, kemudiannya berkembang menjadi pelaksanaan cita-cita, akhirnya kumpulan ini memutuskan untuk menyewa ruangan di Bangsar Utama pada Mei 2000 sebagai asas dan pusat operasi untuk merancang dan menerapkan semua program-program kebudayaan dan kemasyarakatan. Ruang itu dinamakan sebagai ‘Universiti Bangsar Utama’ dan kisahnya bermula seawal pra-Reformasi 1998 lagi. Universiti Bangsar Utama sebagaimana namanya merupakan protes dalam kalangan mahasiswa Institut Pengajian Tinggi (IPT) kepada kawalan terhadap ruang demokrasi di Malaysia. Walau bagaimanapun, UBU pada awalnya bermula sebagai kumpulan seni yang lebih tertumpu pada teater dan filem. Namun, ketika itu nama UBU belum lagi ada, kelompok belia/ mahasiswa ini hanya dikenali sebagai ‘budak-budak Hisham’¹ (*Hisham’s boys*) sahaja. Mereka ini datang daripada beberapa universiti utama sekitar Lembah Kelang seperti Universiti Malaya (UM) dan

¹ Hishamuddin Rais (juga dikenali dengan nama Isham) dilahirkan pada 3 Februari, 1951 di Negeri Sembilan. Beliau mendapat pendidikan menengahnya di Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) sebelum melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya dalam pengajian Sejarah Asia Tenggara pada tahun 1971. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) pada tahun 1974. Hisham aktif memperjuangkan isu-isu rakyat dalam arus kebangkitan pelajar 1970an. Dianggap sebagai ikon mahasiswa tahun 1970-an. Bagi huraian selanjutnya rujuk Bab 6.

Universiti Putra Malaysia (UPM). Mereka ini rata-ratanya meminati bidang teater dan bergiat aktif dalam bidang ini di universiti masing-masing di bawah persatuan dan kelab universiti. Namun, mereka kemudiannya mencari Hisham. Hal ini kerana Hishamudin Rais ketika itu masih lagi dilihat sebagai ikon mahasiswa.

Mulai saat itu, bermulalah aktivisma budaya Universiti Bangsar Utama yang terkenal dengan pementasan teater ‘Tok Ampoo’². Kumpulan anak muda Melayu kota ini aktif berpartisipasi dalam banyak acara-acara politik termasuk ketika kempen pilihan raya. Namun mereka bukan ahli mana-mana parti meskipun sangat jelas, mereka sangat kritikal terhadap pemerintahan Barisan Nasional (BN). Selain itu, kumpulan ini juga aktif menggerakkan kerja-kerja sosial seperti menyediakan kelas tambahan kepada anak miskin kota, memberi makanan percuma kepada gelandangan (*homeless*) dan lain-lain. Sungguh pun kumpulan ini umumnya terdiri daripada kaum Melayu, namun mereka secara amnya tidak bersifat perkauman – setidaknya mereka mengakui menolak sentimen perkauman. Buktinya dapat dilihat melalui kempen-kempen anti-rasisme yang dianjurkan dan penglibatan mereka dalam acara-acara yang rentas kaum seperti forum berkenaan etnik, raja dan agama. Mereka relatifnya bersifat terbuka untuk membincangkan isu yang didakwa oleh kerajaan sebagai ‘sensitif’ dan tidak wajar dipersoalkan.

Anekdote di atas merupakan gejala (*trend*) yang berlaku dalam kalangan anak muda Melayu kota di Kuala Lumpur. Malah, UBU mungkin hanya sebahagian kecil daripada kumpulan ini. Justeru, kajian ini berminat untuk menjawab beberapa permasalahan berikut:

² Bagi perincian rujuk Bab 6

- Bagaimanakah kumpulan orang muda ini muncul?
- Apakah kondisi sosio-politik yang melatari kemunculan kelompok ini?
- Apakah kemunculan mereka ini merupakan sebahagian daripada pola perkembangan politik budaya anak muda Melayu kota kini, atau hanya satu *anomaly*?
- Apakah aktiviti kumpulan anak muda Melayu kota yang banyak dipersepsikan sebagai ‘deviant’ ini merupakan sebahagian daripada bentuk penyertaan politik (*political participation*)?

1.2 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menganalisa perkembangan budaya politik anak muda, khususnya Melayu kota pasca-Reformasi 1998. Kajian ini berminat untuk mengkaji sama ada perubahan budaya politik anak muda Melayu kota ini mempunyai hubungan langsung dengan perkembangan kelas menengah Melayu yang terhasil melalui dasar-dasar kerajaan yang pro-Melayu seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971-1990. Objektif kajian ini akan dibahagikan kepada tiga:

- Mengkaji perkembangan budaya politik kelas menengah Melayu selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) sehingga kini. Tumpuan akan diberikan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi pola perkembangan budaya politik kelompok ini seperti pertumbuhan ekonomi, dasar pendidikan, dasar afirmatif, dan sikap kerajaan terhadap demokrasi.

- Kajian ini juga akan meneliti sejauh manakah perkembangan kelas menengah Melayu ini mempengaruhi budaya politik anak muda Melayu kota.
- Kajian ini juga akan menjawab sejauh mana perkembangan budaya politik anak muda Melayu kota ini memberi kesan terhadap perkembangan politik baru di Malaysia.

1.3 Skop Kajian dan Kesignifikanan Kajian

Sejak tahun 1957 sehingga kini, ekonomi negara telah berkembang dengan pesat. Tambahan pula, perkembangan rancak globalisasi pada akhir abad ke-20, khasnya tahun 1980-an dan 1990-an, ditambah dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah membawa perubahan besar bukan sahaja terhadap struktur ekonomi – guna tenaga (*workforce*) – tetapi juga mengubah masyarakat – demografi dan status sosial. Sejak merdeka, kecuali beberapa tahun tertentu, ekonomi Malaysia telah mengalami pertumbuhan yang pesat dengan kadar inflasi yang terkawal. Ekonomi negara tumbuh pada kadar purata 5.7 peratus setahun antara tahun 1956 hingga tahun 1970. Ekonomi Malaysia terus berkembang dengan rancak pada kadar 6.7 peratus setahun, dalam tempoh pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB), antara tahun 1971-1990. Pendapatan per kapita negara melonjak lebih dua kali ganda daripada RM1937 (1970) kepada RM4268 (1990)³, dengan pertambahan penduduk pada kadar 2.5 peratus setahun. Pertumbuhan negara yang pesat ini dapat menurunkan kadar pengangguran negara ke paras 6.0 peratus pada tahun 1990 (Ishak Shari 2008).

³ Semua nilai mengikut harga tetap tahun 1978 (Ishak Shari 2008)

Perubahan ekonomi ini telah memberi kesan yang besar kepada masyarakat Malaysia. Kelas menengah di Malaysia telah mengalami perubahan yang besar, baik daripada segi saiz, komposisi, isu dan permasalahannya. Kajian berkenaan peranan negara dalam membentuk kelas menengah ini telah banyak disentuh, contohnya oleh Abdul Rahman Embong (1995, 1996, 1998, 2002) dan Kahn (1992, 1996a, 1996b). Kajian-kajian ini sangat luas cakupannya, termasuk (1) kemunculan kelas menengah lama (*old middle class*) ketika pertengahan 1960an, (2) kemunculan mereka dinilai daripada aspek pendapatan dalam kajian projek pembukaan tanah rancangan oleh kerajaan pada awal 1980an, (3) kemunculan mereka semasa krisis perlembagaan 1983-84 (4) dan kajian 'kelas menengah baru' sebagai kumpulan pendesak baru dalam kajian berkenaan kemunculan NGO (Torii 2003).

Jadual 1.1 : Senarai Profesional Berdaftar Mengikut Etnik, 1970-2002 (jumlah/ peratus)

	Bumiputera	Chinese	Indian	Other	Total
1970	225 / 04.9	2,793 / 61.0	1,066 / 23.3	492 / 10.8	4,576 / 100
1975	537 / 06.7	5,131 / 64.1	1,764 / 22.1	572 / 07.1	8,004 / 100
1979	1,237 / 11.0	7,154 / 63.5	2,375 / 21.1	496 / 04.4	11,262 / 100
1980	2,534 / 14.9	10,812 / 63.5	2,963 / 17.4	708 / 04.2	17,017 / 100
1983	4,496 / 18.9	14,933 / 62.9	3,638 / 15.3	699 / 02.9	23,766 / 100
1984	5,473 / 21.0	16,154 / 61.9	3,779 / 14.5	675 / 02.6	26,081 / 100
1985	6,318 / 22.2	17,407 / 61.2	3,946 / 13.9	773 / 02.7	28,444 / 100
1988	8,571 / 25.1	19,985 / 58.4	4,878 / 14.3	762 / 02.2	34,196 / 100
1990	11,753 / 29.0	22,641 / 55.9	5,363 / 13.2	750 / 01.9	40,507 / 100
1995	19,344 / 33.1	30,636 / 52.4	7,542 / 12.9	939 / 01.6	58,461 / 100
1997	22,866 / 32.0	37,278 / 52.1	9,389 / 13.1	1,950 / 02.7	71,843 / 100
1997	10,659 / 27.3	21,298 / 54.4	6,653 / 17.0	515 / 01.3	39,125 / 100
1999	15,321 / 28.9	28,565 / 53.9	8,183 / 15.5	884 / 01.7	52,953 / 100
2002	35,046 / 37.2	47,270 / 50.1	10,593 / 11.2	1,411 / 01.5	94,320 / 100

Sumber: Jomo (2004)

Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1.1, berlaku pertambahan yang besar dalam kalangan profesional⁴ Melayu yang merupakan kelas menengah, meskipun terdapat pengurangan tahun 1997 dan tahun 1999 akibat kegawatan ekonomi. Perkembangan kelas menengah ini telah meningkatkan kesedaran hak sivil di Malaysia yang ditandai dengan kemunculan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Malah keputusan pilihan raya tahun 1999 merupakan manifestasi daripada kebangkitan sivil yang ketara. Masyarakat mula menimbulkan persoalan hak asasi, *good governance*, kepentingan ketelusan dalam pengagihan sumber awam, hak dan tanggungjawab sivil, pemeliharaan alam sekitar dan kepekaan terhadap persoalan gender serta bersikap lebih kritis terhadap amalan rasuah (Nidzam Sulaiman & Bilcher Bala 2002: 28-59; Saravanamuttu 2001: 113-116).

Rentetan daripada kajian sedia ada, kajian ini berminat untuk menumpukan perhatian kepada kelompok anak muda Melayu kota, khususnya di Kuala Lumpur. Disebabkan kekangan masa dan ruang, kajian ini akan hanya difokus kepada komuniti budaya Universiti Bangsar Utama (UBU) – juga dikenali sebagai “Universiti Bukan Universiti” – kerana komposisi komuniti ini terdiri daripada anak muda Melayu, umumnya pelajar universiti dari sekitar Lembah Klang. Berdasarkan cerapan awal, komuniti budaya ini, merupakan yang pertama seumpamanya dalam kalangan anak muda Melayu kota yang tumbuh selepas Reformasi. UBU juga kemudiannya mempunyai kaitan secara langsung mahupun tidak dengan kemunculan beberapa kelompok aktivis anak muda Melayu lain di sekitar Lembah Kelang. Maka, sebagai ‘embrio’ kepada beberapa kelompok aktivis anak muda Melayu kota, UBU wajar untuk diberikan perhatian yang selayaknya. Lalu, kajian ini secara umumnya,

⁴Jomo menyenaraikan arkitek, akauntan, jurutera, doktor gigi, doktor perubatan, pakar bedah verterina, juru ukur dan peguam sebagai profesional. Semua data yang beliau gunakan datangnya daripada Laporan Kerajaan Malaysia semenjak tahun 1976 hingga tahun 2003 (Jomo 2004)

diharap dapat menyumbang kepada kajian perkembangan kelas menengah Melayu sedia ada dengan tumpuan kepada anak muda Melayu kota pasca Reformasi sehingga kini. Di samping menyumbang kepada kajian mengenai Reformasi dan *literature* berkenaan konsep '*politik baru*'.

Hipotesis awal kajian ini adalah untuk menunjukkan bahawa kelas menengah Melayu kota semakin rencam (*diverse*) dan terpecah (*fragmented*) dari segi budaya dan orientasi politik. Analisa klasik berkenaan kelas dan kaum semata-mata tidak mampu untuk menjelaskan masa depan politik Malaysia terutamanya budaya politik anak muda kelas menengah Melayu kota. Justeru, di samping menyumbang kepada wacana masyarakat sivil di Malaysia, kajian ini diharap dapat memberi cara pandang baru untuk melihat budaya politik anak muda kelas menengah Melayu kota.

1.4 Sorotan Kajian Lepas

Lewat 1980-an hingga awal 1990-an, demokrasi mula berkembang di Asia Timur dan Asia Tenggara, bermula di Filipina kemudian Taiwan, Korea Selatan dan Thailand. Dalam keempat-empat buah negara ini, kelas menengah menggerakkan kebangkitan rakyat, menuntut kedaulatan undang-undang (*rule of law*) dan proses pendemokrasian. Di Thailand, Korea Selatan, dan Taiwan menyaksikan anak muda khususnya mahasiswa, berada di barisan hadapan dalam perjuangan demokrasi. Bagaimanapun di Malaysia, Singapura dan Indonesia pemimpin autoritarian masih kekal berkuasa dengan selesa (Abdul Rahman Embong 2001; Gomez 2004).

Evolusi struktur kelas moden dan pembentukan kelas menengah di Malaysia bukanlah fenomena yang terbentuk secara tiba-tiba, tetapi terbentuk perlahan-lahan sepanjang satu abad terakhir, dengan perubahan paling dramatik sejak tahun 1970-an – melalui pembangunan kapitalis dan penyusunan semula masyarakat Malaysia, yang dirancang dan dilaksanakan oleh *developmentalist state* yang kuat. Sebelum tahun 1970-an, majoriti kelas menengah terdiri daripada satu kaum sahaja iaitu kaum Cina, manakala dalam kalangan kaum Melayu, kelas menengah mereka terdiri daripada sekelompok kecil pentadbir (Abdul Rahman Embong 2001).

Asas ekonomi generasi pertama kelas menengah yang belum kukuh menyebabkan agenda utamanya adalah mengukuhkan kedudukan ekonomi keluarga bagi memastikan anak-anak mereka dapat mengekalkan status sosial. Sikap ini menjadikan mereka secara ideologinya konservatif dan menjadi penyokong status quo yang kuat kerana manfaat yang diperolehi. Namun, sikap ini tidaklah statik, krisis ekonomi dan Reformasi telah menukar orientasi sebahagian daripada kelompok ini menjadi kritikal terhadap kerajaan (Abdul Rahman Embong 2001: 88-92). Menurut Rustam Sani (2000) dan Loh (2002), gerakan sosial yang diakibatkan oleh Reformasi tahun 1998 itu bukanlah sekadar berpunca daripada saga Anwar semata, malah Anwar bukanlah faktor utama. Perkembangan pesat ekonomi Malaysia sejak 1970-an hingga pertengahan 1990-an telah mewujudkan kedinamikan baru dalam kalangan rakyat Malaysia. Berlakunya dualisme yang disifatkan Rustam Sani sebagai ‘budaya mewah yang palsu’. Jelasnya, perkembangan ekonomi Malaysia yang bertunjangan liberalisma dan deregulasi sekatan pasaran, penswastan dan modal asing itu tidak diimbangi dengan kebebasan ruang awam malah peranan pelbagai institusi sosial

dalam sistem demokrasi yang tulen – seperti media, kehakiman, polis – terus dibatasi⁵ (Rustam Sani 2000: 116 – 123).

Crouch (1996) Abdul Rahman (2000c, 2000d, 2000e), Kahn (1996) menegaskan bahawa proses industrialisasi dan dasar pro-Bumiputra telah memperlihatkan pertumbuhan kelas menengah yang begitu pesat di Malaysia. Kelas ini telah berkembang daripada hanya 4.0 peratus pada tahun 1957 kepada 7.7 peratus pada tahun 1980, 11.2 peratus pada 1990, dan 15.3 peratus pada tahun 2000 (Abdul Rahman Embong 2000). Data ini diperolehi daripada statistik rasmi laporan guna tenaga negara berdasarkan sektor pekerjaan, dan Abdul Rahman Embong umpamanya mengkategorikan ‘profesional & teknikal’, ‘pentadbiran & pengurusan’, ‘pengkeranian’, ‘jualan’, dan ‘perkhidmatan’ sebagai kelas menengah baru, sementara, separuh daripada ‘jualan’ dan ‘perkhidmatan’ sebagai kelas menengah lama, manakala, pekerja sektor ‘pembuatan’ sebagai kelas pekerja (Abdul Rahman Embong 1995: 37-38).

Secara teorinya, perkembangan kelas menengah yang lebih besar ini seharusnya membantu mewujudkan masyarakat sivil yang lebih kuat dan rentas etnik. Meskipun pembangunan yang rancak pada dekad 1970-an hingga 1990-an berjaya mewujudkan kelas menengah baru dalam struktur masyarakat Malaysia, hasil daripada pengamalan DEB, umumnya kelas menengah Melayu terdiri daripada kakitangan kerajaan (seperti yang diperlihatkan melalui Jadual 3). Birokrat Melayu ini telah terserap dalam struktur kekuasaan negara yang menuntut kepatuhan kepada arahan yang *rigid*. Kelas menengah yang dibangunkan berdasarkan bantuan ekonomi

⁵ Malaysia dilabel sebagai quasi-demokrasi (Zakaria 1989), negara autoritarian (Tan 1990), semi-demokrasi (Case 1993, 2004), statist-demokrasi (Jesudason 1995), pseudo-demokrasi (Case 2001), kompetitif autoritarian (Levitsky dan Way 2002), illiberal demokrasi (Weiss 2006) dan lain-lain lagi.

Bagi perbincangan lanjut rujuk Weiss, Meredith L (2006). *Protest And Possibilities, Civil Society And Coalitions for Political Change in Malaysia*. Stanford University Press. California.

dan penswastaan juga menghasilkan kelas menengah yang gagal mandiri (*independent*) dan bergantung bantuan kerajaan. Di bawah dasar penswastaan, sejumlah besar kapitalis Bumiputera dan bukan Bumiputera telah berkembang dengan mendapat naungan dan projek kurnia daripada pemerintah. Andaian asasnya, elit yang dibantu ini akan membantu pula untuk mencairkan kekayaan tersebut kepada kelas menengah dan rendah melalui regulasi ekonomi. Namun, oleh sebab terdapatnya unsur-unsur ketirisan dan kronisme maka regulasi itu tidak berlaku dan hanya berjaya melahirkan cukong-cukong pasaran semata. Kebergantungan ini juga tidak memungkinkan birokrat yang berada di kelas menengah untuk menjadi kritikal terhadap kekuasaan malah makin mewujudkan hubungan partonis yang kuat (Abdul Rahman 2000).

Budaya politik kelas menengah ini sememangnya sukar untuk diperjelaskan dengan tuntas. Terdapat suatu kontradiksi antara sikap politik pada tahun 1960-an dan 1970-an – tebal dengan feodalisme berbanding budaya politik pada tahun 1990an yang menurutnya lebih membawa politik yang berbaur nilai sejagat (Rustam 2004: 34). Crouch (1984) dan Kahn (1996) juga mengatakan kelompok ini tidak mempunyai arah politik yang jelas, tetapi Saravanamuttu (1987, 1992) pula berpendapat sebaliknya. Sementara itu, Abdul Rahman Embong (1998) dan Loh (2000) lebih berminat untuk memeriksa budaya politik kelompok ini melangkaui hubungan mereka dengan parti politik.

Namun begitu, Saravanamuttu (2001: 103-105) menyimpulkan setidaknya terdapat dua pandangan asas mengenai kelas menengah di Malaysia, “(1) menyokong status quo kerana kebergantungan mereka secara ekonomi dengan kerajaan. Keterikatan mereka dengan gaya hidup mewah melalui kemajuan ekonomi yang pesat menyebabkan persoalan pendemokrasian menjadi soal sampingan. Tambahan

pula, kelas menengah ini terpisah mengikut kaum yang menyebabkan sukar untuk mereka menemukan kesepakatan pandangan politik. (2) Pandangan kedua pula, melihat kelas menengah ini aktif menjuarai pelbagai isu. Sungguh pun kelas ini agak terpecah, mereka menunjukkan kesedaran nilai universal – demokrasi, hak asasi manusia, alam sekitar – yang melintasi sempadan kaum”.

Fenomena ini menawarkan wacana alternatif kepada perspektif *ethnic-centric* mahupun *class-centric*. Malah, ini membawa kepada hujah kelas menengah sebagai aktor politik di Malaysia telah membentuk *praxis* multi-etnik dan multi-kelas yang merangsang masyarakat sivil untuk menentang pemantauan berlebihan negara, dominasi dan tekanan terhadap warga (Saravanamuttu 1992). Namun, sebagai reaksi kepada pandangan ini, Kahn (1996b) mencadangkan tidak terdapat sekelompok kelas menengah tunggal yang semuanya berjuang untuk agenda demokrasi di Malaysia, malah terdapat banyak ‘kelas-kelas menengah’ (*middle classes*) dengan pelbagai kepentingan politik.

1.4.1 Penglibatan Kelas Menengah dalam Proses Politik

Sejak 1980an, budaya politik Malaysia menghadapi pergelutan (*contestation*) antara amalan politik etnisme, developmentalisme dan demokrasi partisipasi. Perkembangan ini lebih menonjol ketika Reformasi dan Pilihan Raya Umum 1999 dan diistilahkan oleh Loh sebagai ‘politik baru’ (2000). Sehubungan itu, Loh (2009) menerangkan bahawa terdapat penglibatan beberapa gerakan politik di ruang tidak formal (*non-formal participatory politics*) yang dapat dikesan perkembangannya seawal tahun 1980an lagi. Fenomena ini menurutnya adalah berlawanan dengan

procedural democracy yang menjadi amalan politik di Malaysia – dicirikan dengan birokrasi eksekutif, judisiari, legislatif, proses pilihan raya dan parti politik. Beberapa NGO kelas menengah berusaha mempromosikan wacana baru dan amalan demokrasi partisipatori. Tujuannya bukan hanya untuk menyemak dan mengimbangi perjalanan pilihan raya dan amalan *procedural democracy* lainnya malah jauh daripada itu cuba mewujudkan ruang awam yang autonomus. Beberapa NGO kelas menengah ini mewakili pelbagai kelompok masyarakat dengan kepentingan masing-masing. Seperti kumpulan wanita: AWAM, *Sisters In Islam*, *Woman's Aid Organization* bersama NGO lainnya pada pertengahan tahun 1990an — berjaya mempengaruhi pembuatan dasar dan beberapa pindaan terhadap undang-undang yang mendiskriminasi wanita. Begitu juga kumpulan hak asasi seperti Suaram, Hakam dan Aliran juga bergelut menentang ISA dan lain undang-undang yang menzalimi hak asasi melalui seminar, petisyen, nasihat perundangan dan kadangkala melalui demonstrasi. Kumpulan alam sekitar seperti *Environmental Protection Society Malaysia*, Sahabat Alam Malaysia, *Malayan Nature Society* dan Gabungan anti-Empangan Bakun antara yang memperjuangkan alam sekitar dengan sebahagian kesnya berjaya. Selain itu, terdapat juga NGO yang memperjuangkan isu gaji minima, peneroka bandar, dan perumahan selesa di samping kumpulan NGO pengguna yang mendidik rakyat mengenai hak sebagai pengguna melalui kempen, bengkel dan terbitan. Antara NGO yang terlibat itu adalah Pusat Pembangunan Komuniti, Pusat Komunikasi Rakyat dan Jaringan rakyat Tertindas (JERIT). Manakala kumpulan seperti JUST dan *Third World Network* terfokus akan isu globalisasi dan ketidakadilan dalam sistem antrabangsa (Loh 2009; 42-44).

Sungguhpun demikian, “gerakan sosial yang didukung oleh NGO ini mengalami tekanan besar apabila kerajaan melancarkan Operasi Lalang pada tahun

1987. Seramai 106 orang yang terdiri daripada pemimpin NGO dan parti pembangkang, kesatuan sekerja, ahli akademik, aktivis sosial gereja, dan malahan penduduk kampung ditahan di bawah ISA. Kesannya, momentum ke arah ‘*participatory democracy*’, ‘pembangunan alternatif’, ‘kedaulatan undang-undang’, ‘akauntabiliti’ dan ‘keadilan’ terhenti. Walau bagaimanapun, pada penghujung 1990-an penglibatan politik tidak formal ini muncul kembali ditandakan dengan dua krisis utama ketika itu; krisis kewangan 1997 dan pemecatan Anwar Ibrahim. Tuntutan penyokong Anwar yang bersifat multietnik dengan pantas berubah daripada hanya tertumpu pada diri Anwar kepada isu seperti ‘keluhuran undang-undang’, demokrasi partisipatori, dan ‘keadilan untuk semua’ (Loh 2009; 45-47).

Pada sisi lainnya pula, politik Malaysia tidak seluruhnya berubah secara total menuju kepada politik yang bersifat *participatory*. Kelas menengah di Malaysia berdepan dengan *developmentalisme*⁶ yang membawa bersamanya konsumerisme, ditambah pula dengan faham etnisiti yang menyukarkan perkembangan wacana rentas etnik/ agama di Malaysia.


1.4.2 Kelas Menengah Melayu: Gerakan Sosial dan Islamisasi

Sebagai ditunjukkan dalam Rajah 1.1 di bawah, Malaysia mengalami pertumbuhan urbanisasi yang pesat semenjak tahun 1980an berikutan migrasi penduduk ke kota-kota utama di Malaysia. Urbanisasi dan pemodenan yang sangat cepat ini memberi impak yang besar kepada struktur sosial masyarakat. Pembukaan kawasan

⁶ *Developmentalism* pada amnya merupakan wacana atau budaya politik baru hasil pembangunan ekonomi yang mendadak, dan secara khususnya merujuk kepada kemajuan material dan peningkatan kesejahteraan hidup seharian. Pembangunan ini digunakan oleh pemerintah (*state*) sebagai keutamaan (*priority*) berbanding dengan nilai demokrasi. Bagi perbincangan lanjut rujuk (Loh 2000, 2002,2003, 2009).

perindustrian baru seperti Seberang Prai, Mak Mandin, Sg Wang, Batu Tiga dan Pasir Gudang telah menukar wajah kampung menjadi bandar baru. Bandar-bandar satelit mula tumbuh bagi memenuhi keperluan yang tidak lagi tertampung oleh bandar-bandar utama. Contohnya, Petaling Jaya yang merupakan bandar satelit kepada Kuala Lumpur sangat penting untuk menyediakan perumahan bagi penduduk Lembah Kelang yang bertambah dengan pesat.

Rajah1.1 : Peratus Urbanisasi Malaysia Tahun 1980-2010



Sumber: Jabatan Perangkaan Negara 2012

Mekanisma kawalan sosial yang wujud dalam masyarakat desa sudah tidak ada lagi dalam struktur masyarakat kota. Identiti etnik khasnya masyarakat Melayu desa sukar untuk dipertahankan dengan adanya urbanisasi yang datang bersama konsumerisme. Tambahan pula, wujud dikotomi etnik yang sangat jelas dan diperkukuhkan melalui DEB – Melayu dan bukan Melayu – yang menyebabkan identiti etnik menjadi sangat penting. Setiap kaum harus mengukuhkan identiti mereka. Bagi masyarakat Melayu, Islam merupakan identiti yang paling jelas bagi mengikat identiti Melayu kerana Melayu dalam konteks sejarah dan Perlembagaan Malaysia amat terkait dengan Islam (Naquib al-Attas: 1990). Ditambah pula dengan suasana politik antarabangsa saat itu – gerakan Islam pertama yang berjaya dalam

sejarah moden, Revolusi Iran 1979 – menyemarakkan lagi ‘kebangkitan Islam’. Wacana mengenai perlunya masyarakat Melayu untuk kembali kepada ajaran Islam mula muncul, dan pastinya dalam pendekatan, intepretasi dan amalan yang berbeza-beza (Chandra Muzaffar: 1988).

Harus diperhalusi juga bahawa wacana Malaysia juga diwarnai dengan wacana Islamisasi antara PAS, UMNO dan badan-badan dakwah lain. PAS yang merupakan parti politik dengan ideologi Islam kekal berperanan besar dalam sistem demokrasi di negara ini. Syariah dalam wacana gerakan politik Islam dikemukakan sebagai undang-undang Islam, walaupun hakikatnya syariah tidak hanya tertakluk kepada ruang perundangan semata (Haris 2007: 353).⁷ Wacana Islamisasi ini juga mendapat respon daripada UMNO. Melalui agenda Islamisasi maka terbinanya Universiti Islam Antarabangsa (UIA), perbankan Islam dan penekanan unsur Islam dalam institusi pendidikan primer dan sekunder negara; usaha ini sebagai persaingan untuk memenangi wacana Islamisasi di Malaysia. Perkara ini dikritik oleh PAS dengan mendakwa sebagai bersifat luaran semata (Haris 2007: 354).

Berbeza dengan Pas yang menggunakan pendekatan politik kepartian, Jammah Tabligh pula menumpukan masjid-masjid sebagai medan gerakan sosial mereka. Umumnya, pendekatan Islam yang mereka bawa bersifat konservatif dan sangat terhad kepada peringkat individu – persoalan iman, hukum fardu ain, solat dan lain-lain ibadah. Mereka seolah-olah cuba menjauhkan diri daripada politik (Ann Wan Seng 2005:9).

⁷ Wacana seumpama ini, yang cenderung tertakluk kepada zaman terdahulu – zaman awal perkembangan Islam – menghalang perkembangan intelektual Muslim dan daripada satu sudut meminggirkan mereka daripada arus perdana sistem demokrasi selain pilihan raya. Syariah dikemukakan dalam keadaan seolah-olah terpisah daripada realiti dunia kini dan golongan intelektual agama (ulama’) dilihat sukar merungkai persoalan kini kecuali daripada perspektif hukum Islam mereka. Malah sering pula mereka ini merujuk pandangan imam-imam mazhab klasik yang bersifat legalistik tertakluk kepada ruang dan masa keadaan sosial ketika itu (Ziauddin Sardar: 2003; 64-65).

Selain itu, Al-Arqam juga merupakan peserta gerakan Islam semenjak 1970-an sehingga awal 1990-an yang wajib dihormati. Sungguhpun terdapat banyak kritik terhadap faham Islam yang dibawakan oleh kelompok ini, mereka harus diakui sebagai antara gerakan sosial paling tersusun dan kukuh pada zamannya. Malah sehingga kini, tidak ada gerakan sosial yang mampu untuk sampai ke tahap Al-Arqam – bukan sahaja berjaya membina komuniti sendiri di Sungai Pencala, malah membangunkan banyak syarikat perniagaan, membuka sekolah persendirian, dan menerbitkan puluhan buku. Al-Arqam percaya kepada perlunya keseimbangan antara tuntutan dunia dan rohani, maka Al-Arqam tidak pernah meminggirkan ekonomi (Syukri Salleh 1992: 176). Namun, pengaruhnya merosot dengan teruk mulai tahun 1994 apabila Al-Arqam diharamkan kerana dituduh sebagai menyebarkan ajaran sesat.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) pula berpendirian gerakan Islam tidak akan berkembang jika masyarakat Islam tidak melibatkan diri dalam proses politik. ABIM⁸ percaya pendidikan merupakan jalan utama untuk memajukan masyarakat Islam (Siddiq Fadil 1992:15). Pada tahun 1974, ABIM telah memilih Anwar Ibrahim sebagai Presiden kedua. Sepanjang era kepimpinan beliau, ABIM muncul sebagai sebuah gerakan Islam yang berpengaruh di peringkat nasional. ABIM banyak mengambil jalur pemikiran Islam seperti Hassan Al-Bana, Sayyid Qutb, dan Maududi. Anwar Ibrahim kemudiannya menyertai UMNO dan memainkan peranan penting dalam proses Islamisasi. Melalui pendekatan Anwar ini ramai

⁸ ABIM ditubuhkan pada 6 Ogos 1971 di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada 17 Ogos 1972, ABIM telah didaftarkan secara rasmi di bawah Akta Pertubuhan 1966. Manakala pada tahun 2009, setelah pihak kerajaan membuat semakan terhadap dasar belia negara, ABIM telah didaftarkan penubuhannya di bawah Akta Pertubuhan-pertubuhan Belia 2007. Era awal pergerakannya dicorakkan oleh usaha bagi memperteguh idealisme dan cita-cita perjuangan. Pelbagai kegiatan direncanakan bagi menjelaskan identiti ABIM sebagai sebuah pertubuhan belia dan gerakan Islam yang berteraskan prinsip dakwah dan *tarbiyyah* sebagai teras utama gerakannya.

kelompok elit berpendidikan Islam dan anggota gerakan Islam tertarik dengan karisma beliau. Hubungan ini amat besar manfaatnya terhadap kedudukan politik Anwar dan UMNO secara umumnya. Hubungan ini telah meningkatkan kredibiliti Anwar sebagai penggerak agenda Islamisasi dan dalam masa yang sama mengendurkan kritikan pembangkang, khususnya PAS terhadap beliau dan UMNO. Sungguhpun demikian, menurut Farish Noor (2004) Anwar tidak dapat mengelak daripada mempolitikkan isu Islam yang dikemukakannya. Anwar membina pengaruh yang besar melalui agenda Islamisasi ini. Kemudiannya, pada tahun 1990-an, persaingan wacana Islam antara PAS dan UMNO meningkat lagi. Institusi penyelidikan dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) bukan sahaja menjadi medan perbahasan idea malah melangkaui kepada usaha mendominasi semua saluran menyebarkan Islam (Farish Noor 2004; 545). Dalam konteks ini, konflik antara UMNO dengan PAS bukan sahaja persaingan kuasa politik partisan, malah turut menjalar kepada persaingan intelektual. Intelektual dalam rangkaian UMNO berperanan mewujudkan persefahaman bersama tentang idea dasar, pembangunan sosial dan nilai budaya. UMNO dalam soal Islamisasi-nya meluaskan pengaruh melalui institusi agama seperti Yayasan Ekonomi Islam, Yayasan Dakwah (keduaduanya diasaskan oleh Dr Mahathir), Majlis Masjid Asia Pasifik, Pusat Islam dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). IKIM contohnya, selain menganjurkan pelbagai persidangan Islam, turut memperluaskan idea Islamisasi – dan juga Wawasan 2020 ketika itu – melalui forum budaya seperti Kongres Intelektual Melayu. Di sini, UMNO dan rangkaiannya cuba mendominasi bukan sahaja wacana, malah berusaha menjadi pengantar, pengawal dan memiliki ikon, simbol dan imej Islam. Usaha ini bertujuan untuk mengasimilasi kelompok ulama tradisional yang bersama-sama PAS (John Hilley 2009: 13).

1.4.5 Di Manakah Anak Muda Dalam Gerakan Sosial Di Malaysia?

Bahagian ini ingin menarik perhatian untuk mencermati semula *literature* berkenaan kelas menengah dan penglibatan mereka dalam politik – yang banyak mengambil garis kaum, kelas, kelompok agama (Islam) dan gender tetapi amat kurang yang memberi tumpuan aspek anak muda dan penglibatan mereka dalam politik. Tidak banyak kajian yang menyoroti peranan anak muda dalam gerakan sosial yang berlaku di Malaysia semenjak tahun 1980-an, sehingga kini.⁹

Sebaliknya, sejak awal 1990-an juga, terdapat banyak penelitian akademik terhadap salah laku anak muda, bermula dengan isu lepak (Samsudin A. Rahim 1994) mendapat liputan meluas di media sehingga menimbulkan kejutan moral seolah-olah negara mengalami hakisan nilai dan moral yang mendorong generasi muda ke arah melakukan salah laku. Fenomena ini dianggap serius dengan beberapa kajian susulan yang mengaitkan budaya lepak ini dengan ponteng sekolah, *gangsterism*, penyalahgunaan dadah, HIV dan AIDS (Yahya Don & Mahmood, N.M: 2004), tingkah laku *deviants* dan *delinquent*, pengguna bahan lucuh dan hubungan seks sebelum kahwin, pembuangan bayi, bohsia, bohjan dan budaya *black metal* (Samsudin A. Rahim & Iran Herman 1995; Rafidah Md. Khamin: 2003; dan Fazilah et.al 2005). Anak muda dikatakan mengalami keruntuhan akhlak, terpengaruh dengan budaya kuning, dan tidak mempunyai jati diri (Mahmood Nazar Mohamed: 1990).

⁹ Jikalau kedapatan sekalipun, mungkin hanya Angka Belia Islam Malaysia (ABIM). Namun, perbincangan mengenai ABIM pun banyak berkisar peranannya dalam bidang dakwah dan kurang memberi penekanan kepada identiti anak muda dalam ABIM. Bagi perbincangan lanjut rujuk Siddiq Fadil (1992).

Di samping itu, terdapat juga banyak kajian yang mengaitkan anak muda dengan kelunturan semangat patriotisme. Tajul Ariffin Nordin (1985) contohnya, mendakwa anak muda semakin hilang semangat patriotisme kerana bersikap materialistik. Tuntutan kemodenan telah menyebabkan anak muda hanya sibuk mengejar kebendaan. Ahmad Ahmad Rusdi (2002) pula mengaitkan hal ini dengan hedonisme dan umumnya anak muda hanya berminat dengan keseronokan dan mudah terpengaruh dengan hiburan melampau.

Begitu juga dengan media massa yang banyak mengaitkan anak muda dengan gejala sosial, jenayah, keruntuhan akhlak, dan hilangnya jati diri. Sebagai contoh:

Di Malaysia, remaja merangkumi lebih daripada separuh keseluruhan penduduk. Oleh kerana bilangannya yang ramai, maka masalah yang berkaitan dengan kelompok ini juga banyak. Data dan statistik banyak menunjukkan keruntuhan akhlak di kalangan remaja di negara ini adalah semakin serius. Mengikut Pihak Berkuasa Jenayah Bukit Aman antara tahun 1990 dan 1992 sahaja, seramai 37,602 individu ditahan bagi kesalahan jenayah harta benda serta kekerasan. Daripada jumlah ini, seramai 3,450 atau 9.17% adalah remaja dan dalam kalangan remaja yang diberkas pula, kesalahan yang dilakukan boleh dibahagikan kepada jenayah kekerasan dan harta benda. Perangkaan polis menunjukkan, antara kes jenayah yang selalu dilakukan oleh remaja adalah pecah rumah, rusuhan, pergaduhan sesama mereka, salah guna dadah, mencuri basikal atau motosikal..

(Utusan Malaysia, 8 Januari 1992).

Jenayah yang dilakukan oleh remaja bukan hanya berlaku di kawasan bandar raya atau bandar-bandar besar sahaja, malah di merata tempat di seluruh pelusuk negara. Sebagai contoh, di Kedah sahaja, sebanyak 307 kes jenayah berlaku sepanjang tahun 1991. Daripada jumlah itu, 73 kes membabitkan pelajar sekolah. Mengikut pembahagian kaum, seramai 204 kes melibatkan kaum Melayu, 54 remaja Cina dan 47 adalah remaja kaum India. Berdasarkan statistik, kes melibatkan remaja jelas meningkat antara tahun 1990 dan 1992. Pada tahun 1990, sebanyak 657 kes dicatatkan, diikuti 830 kes pada tahun 1991 dan 1487 kes pada tahun 1992. Satu lagi kesalahan yang melibatkan remaja adalah lari atau hilang dari rumah. Pada tahun 1990, terdapat 1578 kes; 1991 (1,981 kes); 1992 (2,221 kes); dan 1993 (1,485 kes). Dari segi jenayah melibatkan bahan berbahaya seperti dadah psikoaktif, antara tahun 1990 dan 1992; daripada jumlah 2,2912 penagih dadah yang ditahan, 2,856 orang (12.46%) adalah remaja. Statistik seterusnya adalah bersabit kesalahan akhlak yang amat serius dari kaca mata masyarakat Malaysia, iaitu perbuatan maksiat di kalangan remaja. Menurut Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar,

bilangan remaja yang rosak akhlak masih tinggi. Pada tahun 1988, sebanyak 3,978 kes dicatatkan; 4,111 kes pada tahun 1989; 3,763 kes pada tahun 1990 dan sebanyak 2,658 kes sehingga bulan Oktober 1991.

(*Berita Harian*, 3 Februari 1992).

Satu lagi tabiat remaja yang menampakkan potensi untuk menjadi gejala yang sukar dibendung adalah kegemaran mereka membazir masa. Istilah yang popular digunakan kini adalah 'budaya lepak'. Satu kajian di dua buah rumah pangsa di Kuala Lumpur mendapati sebanyak 90% remaja kaum Cina terus pulang ke rumah selepas sekolah, sebanyak 72% remaja kaum India berbuat demikian; dan hanya 5.8% remaja kaum Melayu pulang ke rumah selepas sekolah.

(*Utusan Malaysia*, 11 Mac 1993).

Menurut laporan kajian Prof Madya Dr. Halimah dalam kajian ke atas remaja Melayu Islam di Selangor, 96% tidak berminat untuk belajar, 85% tiada kesedaran untuk belajar, 84% suka membuang masa di sekolah, 72% tidak suka membaca, 78% tidak mempunyai kaedah belajar yang betul.

(*Utusan Malaysia*, 28 Oktober 1995).

Dapatan kajian peringkat nasional yang dijalankan oleh Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1993 menunjukkan punca salah laku di kalangan pelajar adalah disebabkan oleh faktor diri, keluarga, persekitaran rakan sebaya dan juga sekolah. Sebagai contoh, kajian tersebut mendapati pada tahun 1993 kira-kira 81.03 peratus melakukan kerana faktor kekeluargaan 4.10 peratus kerana pengaruh rakan sebaya dan 1.24 peratus kerana faktor persekolahan.

(*Dewan Masyarakat*, April 1995).

Selain itu, kerajaan juga bersikap 'keras' terhadap imej anak muda, khasnya mereka yang beridentitikan 'rock'. Sejarah kumpulan rock di Malaysia bermula secara meluas pada awal tahun 1980-an menerusi kumpulan Search yang muncul dengan album pertama. Kumpulan rock tempatan berkembang dengan wujudnya pertandingan di peringkat kebangsaan seperti *Juara Rock* (1983), *Festival Rock* (1984) dan *Battle Of The Bands 1 & 2* (1986-1987). Pengaruh kumpulan rock ini terhadap anak muda bukan sahaja dapat dilihat daripada segi jumlah kehadiran

mereka dalam setiap konsert, malah jumlah jualan album yang sehingga kini merupakan tertinggi dalam sejarah industri muzik negara – Search (400,000), Wings (400,000) dan Ella (350,000).¹⁰

Namun, pada tahun 1986, berlaku insiden rusuhan oleh peminat ketika Battle of the Bands, di Sungai Nibong, Pulau Pinang sehingga perlu dileraikan oleh Unit Simpanan Persekutuan (FRU). Kumpulan rock yang membuat persembahan ketika itu *SYJ, Lefthanded, Bloodshed, Ella and the Boys* dan *Rahim Maarof & Whitesteel*. Imej muzik rock di Malaysia mula tercalar. Sebagai reaksi kepada pengaruh muzik anak muda yang semakin meluas ini, pada tahun 1988, kerajaan melalui Kementerian Penerangan telah mengharamkan kumpulan rock muncul dalam mana-mana rancangan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Alasannya, imej penyanyi rock lelaki berambut panjang tidak sesuai dengan skema moral masyarakat Malaysia. Kemuncaknya, pada tahun 1992, dua kumpulan rock utama negara, *Search* dan *Wings* setuju untuk memotong rambut paras bahu dan ‘upacara’ ini dilakukan sendiri oleh Menteri Penerangan ketika itu, Mohamed Rahmat dan disiarkan secara langsung oleh RTM.¹¹ Peristiwa ini dikatakan cubaan kerajaan untuk mengawal dan memaksakan (*impose*) satu set moral dan identiti terhadap anak muda.

“..Atas dasar akur dan ingin mencari rezeki melalui medium elektronik maka terpaksa mereka ditunjukkan secara *live* seluruh Malaysia melalui RTM dan membayangkan betapa bernilainya rambut panjang mereka dan kerajaan memperingatkan kepada semua pemuda tanah air ini agar mesti berambut pendek dan jangan berambut panjang kerana ia merupakan satu lambang ketidakkemasan dan luar etika Malaysia di kala itu. Ironinya terdapat juga di kalangan artis lain yang terlibat dengan isu moral dan kelakuan yang lebih kontroversi tidak diberi peringatan secara keras dan masih mendapat ruang di dalam media elektronik mahupun media cetak (tidak digam-istilah tahun 90-an).”

Petikan dari laman web rasmi kumpulan Wings: www.sayap2wings.com

¹⁰ Tidak ada artis lain yang berjaya mencatat jumlah jualan album sebanyak itu, kecuali kumpulan nasyid Raihan yang mencetuskan fenomena dengan jualan album mencecah 600,000 unit.

¹¹ Laman rasmi kumpulan Wings: <http://www.sayap2wings.com>. (dilayari pada 24hb Mac 2012).

Rajah 1.2 Mohamed Rahmat memotong rambut Awie, vokalis kumpulan Wings



(Sumber: Utusan 1992)

Rajah 1.3 Mohamed Rahmat memotong rambut Amy, vokalis kumpulan Search



(Sumber: Utusan 1992).

Namun, dalam kalangan peminat rock Malaysia, mereka percaya tindakan keras terhadap muzik rock bukan sahaja kerana imej rambut panjang mereka, tetapi kerana lagu-lagu yang mereka bawakan dengan lantang mengkritik dominasi negara (*state*) terhadap rakyat, contohnya lagu kumpulan Wings, *Belunggu Irama* tahun 1987:

*Hari-hari bagaikan berlari
Tiada sesaat berhenti
Aku yang masih berdiri
Tiada arah yang pasti*

***Apakah aku sudah mati
Dalam dunia ini
Biarpun masih berdiri
Tiada siapa peduli***

*Aku terikat tanpa tali
Aku berdiri tanpa bumi
Aku berkata tanpa suara
Aku menangis tanpa airmata*

*Apakah aku sudah mati
Dalam dunia ini
Biarpun masih berdiri
Tiada siapa peduli*

***Perintahmu adalah belunggu
Menggenggam ku dengan kuasamu
Membuat aku menjadi layu
Dalam suasana yang masih baru***

***Bilakah akan berhenti bicara
Untuk melihat apa yang melanda
Angkaramu kepada irama
Yang telah beku
Selama kau berkuasa***

Lagu: *Belunggu Irama* (1987)

Di samping itu, selain sikap kerajaan terhadap budaya anak muda, laporan rasmi kerajaan juga bernada negatif apabila menyentuh isu anak muda;

“Kepesatan pembangunan dan perindustrian, penghijrahan belia dari luar bandar ke bandar dan ketidakbiasaan dengan persekitaran bandar, perubahan gaya hidup dan pengaruh negatif yang lain telah menimbulkan cabaran baru kepada belia. Di antaranya, perpecahan keluarga, pengaruh negatif daripada rakan sebaya dan media massa serta kekurangan pengetahuan agama telah menyumbang kepada kemunculan masalah sosial seperti lepak, penagihan dadah, penderaan kanak-kanak, penyimpangan seks, tidak berdisiplin di sekolah dan perlakuan tidak diingini yang lain. Masalah ini telah meningkat di kalangan belia iaitu pada tahun 1995, terdapat kira-kira 6,920 kes keganasan jenayah dan 4,990 belia terlibat dengan penagihan dadah berbanding dengan 5,200 kes keganasan jenayah dan 4,800 kes penagihan dadah pada tahun 1990.”

Bab 21 : Belia Dalam Pembangunan
Laporan Rancangan Malaysia Ke Tujuh (1996-2000)

Sikap kerajaan terhadap identiti anak muda ini akan diperincikan dalam Bab 4.

Tanpa menafikan wujud masalah yang dinyatakan dalam petikan di atas, kelihatannya, anak muda dinilai terlalu negatif pada dekad 1990-an. Sedangkan anak muda juga mempunyai sisi konstruktif dan progresif dalam proses politik. Weiss (2006: 165), umpamanya, menyatakan orang muda menunjukkan reaksi yang berbeza terhadap Reformasi berbanding dengan orang tua. Setidaknya, kalangan orang muda dan kelas menengah generasi DEB, norma reformis untuk mengamalkan politik non-komunal – memilih ganjaran moral berbanding pemberian ekonomi, harapan terhadap kebebasan sivil yang substantial, dan penglibatan berterusan dalam proses politik – mula mendapat tempat.

Di Malaysia universiti mewakili hubungan yang tersendiri dalam tatanegara (*polity*). Usaha berterusan kerajaan untuk melahirkan kelas menengah Melayu melalui dasar afirmatif yang agresif sejak tahun 1970-an telah memberi kesan ketara kepada kadar kemasukan pelajar Melayu, terutama dari kawasan luar bandar, menjadikan universiti tapak transformasi demografi (Weiss 2006: 165).

Idealnya, dasar ini bertujuan untuk merapatkan jurang sosio-ekonomi antara kaum. Namun, kesan daripada dasar yang menggalakkan perubahan demografi dalam pertubuhan pelajar ini menyebabkan kampus menjadi antara kawasan yang paling terpisah dari segi etnik dan agama. Kesannya, tidak banyak kumpulan aktivis mahasiswa yang berbentuk multi-etnik. Hampir kesemuanya mengambil garis kaum atau agama: Persatuan Mahasiswa Islam (PMI), Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa India (JKMI) dan Malaysia Youth and Students Democratic Movement (DEMA) yang hampir 100 peratus dianggotai oleh pelajar Cina sahaja. Walaupun, pengenalan Akta Universiti dan Kolej Universiti (1971 pindaan 1975), penekanan terhadap